



Sebahagian daripada 1,200 graduan dalam berbagai bidang akademik dan profesional diraikan pada Majlis Konvokesyen Keempat AeU pada 21 September 2014.

Graduan AeU berketerampilan

» **Tawar program berkualiti tinggi, sasar lahir pemimpin masa depan**

Oleh Siti Nurazlinee Azmi
sitinurazlinee@bh.com.my

Sejak ditubuhkan pada tahun 2007, Asia e University (AeU) sentiasa progresif dalam melahirkan generasi berketerampilan, berpengetahuan luas dan berkemahiran tinggi untuk mengisi kekosongan industri yang kian berkembang pesat selain menjadi pelapis kepemimpinan masa depan.

AeU sentiasa menjalin hubungan strategik bersama rakan kongsi pendidikan dengan menyampaikan program yang mempunyai matlamat, relevan dan berkualiti tinggi bagi membolehkan pelajar menimba pengalaman dan pendidikan terbaik.

AeU juga terus berkembang sebagai salah satu institusi pendidikan tersohor bagi pengajian e-pembelajaran pada peringkat nusantara mahupun global.

Tumpuan AeU untuk menyediakan pendidikan tinggi yang fleksibel, mudah dan kompetitif selaras falsafahnya bahawa pendidikan berkualiti boleh diakses oleh semua orang tanpa mengira demografi.

AeU yang ditubuhkan di bawah naungan 33 negara Asia Cooperation Dialogue Countries (ACD)

ini sekali lagi melakar sejarahnya meraikan kejayaan lebih daripada 1,200 graduan dalam berbagai bidang akademik dan profesional di Majlis Konvokesyen Keempat AeU pada 21 September 2014.

Kejayaan yang diraih pada majlis konvokesyen hari ini turut diraikan oleh pengurusan tertinggi dan akademik AeU yang sentiasa menjadi tulang belakang pelajar, keluarga dan rakan seperjuangan.

Daripada 1,200 graduan, 12 graduan penerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD); Dua graduan menerima DBA; 177 graduan menerima Ijazah Master; 126 graduan menerima Ijazah Bachelor dengan Kepujian; 21 graduan menerima Ijazah Graduate Diploma; 820 graduan menerima Ijazah Eksekutif Master dan 44 graduan menerima Ijazah Profesional Bachelor.

Seramai 300 graduan antarabangsa yang berasal dari Indonesia, Sri Lanka, Vietnam, Namibia dan beberapa negara ACD yang lain turut menerima ijazah masing-masing dalam majlis ini.

Pengerusi SPAD terima PhD
Antara acara kemuncak majlis konvokesyen kali ini adalah penganugerahan PhD kepada Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Darat (SPAD), Tan Sri Syed Hamid Syed Jaafar Albar yang juga bekas Menteri Luar Negara.


Syed Hamid, 70, memulakan pengajian PhD beliau di AeU pada tahun 2012 berbekalkan penyelidikan ilmiah yang bertajuk 'National Interest in the Foreign Policy of Malaysia: The Mahathir Era 1981-2003'.

Turut menerima ijazah Doktor Falsafah (PhD) ialah Menteri Pendidikan Republic of Namibia, Dr David Richard Namwandi.

INFO

Senarai graduan AeU

- **Graduan PhD** - Pengerusi SPAD, Tan Sri Syed Hamid Syed Jaafar Albar (gambar); Menteri Pendidikan Republic of Namibia, David Richard Namwandi dan Timbalan Naib Canselor, Taylor's University, Pradeep Kumar Nair
- **Anugerah Pengerusi** - M Kumaresan - Master of Business Administration; Chow Choi Chin - Master of Education dan Naina - Abdul Karim Master of Education.
- **Anugerah Presiden** - K Rathi Ambigai - Bachelor of Education (TESL) (Hons) dan Wan Nor Abidah Ibrahim - Bachelor of Education (TESL) (Hons)



Pengerusi dan juga Ahli Lembaga Pengarah AeU, Profesor Emeritus Tan Sri Datuk Syed Jalaludin Syed Salim, berkata setiap graduan adalah pemacu terhadap keberkesanan sistem pendidikan di AeU.

Syed Jalaludin berkata, walaupun mempunyai komitmen dan tanggungjawab seperti keluarga, kerjaya dan jadual hidup yang padat, setiap graduan mempunyai aspirasi dan kredibiliti untuk berjaya kerana mereka dianugerahkan bakat dan keazaman yang tinggi.

"Tahniah kepada semua graduan yang berjaya menamatkan pengajian di AeU. Pencapaian ini bukan saja terletak pada segulung ijazah tetapi faktor kerja keras, ketabahan dan kesungguhan dalam menggapai impian.

"Dengan memberi fokus kepada bidang teknologi dan sistem pembelajaran yang fleksibel, AeU sentiasa membuka pintu kepada sesiapa juga calon pelajar termasuk golongan profesional dan ber-

kerjaya untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran masing-masing dalam menghadapi dunia pekerjaan yang semakin mencabar," katanya.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif AeU, Prof Datuk Ansary Ahmed menyifatkan penganugerahan ijazah kepada graduan di majlis konvokesyen keempat ini tidak bermakna perjuangan siswa dan siswazah sudah terhenti.

Malah, ia membuka lembaran baru dalam kehidupan graduan terutama pekerjaan yang bakal menguji daya ketahanan dan semangat saing dalam diri.

"Wawasan AeU adalah untuk menjadi peneraju dan hab pendidikan unggul dalam pengajian e-pembelajaran yang mampu diikuti merentas benua Asia.

"Sejarah membuktikan ramai yang mendapat manfaat daripada wawasan ini. Kita akan terus berusaha ke arah merealisasikan wawasan ini supaya dapat dinikmati oleh lebih ramai pelajar yang memerlukannya," katanya.

Latar belakang AeU

AeU adalah universiti multinational yang ditubuhkan di bawah naungan 33 negara ACD. Semua program pengajian bertaraf antarabangsa yang diluluskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).

Sejak ditubuhkan pada tahun 2007, AeU menerima kemasukan pelajar seramai 16,000 termasuk penuntut antarabangsa dari 56 negara.

Sehingga kini AeU berjaya melahirkan lebih 5,000 graduan. Berinspirasi pengalaman pembelajaran yang bertaraf dunia, AeU nekad mencapai wawasannya untuk menjadi hab pendidikan utama dan pemimpin khususnya dalam pengajian e-pembelajaran yang mampu milik dan kompetitif merentas benua Asia.

AeU menawarkan lebih daripada 40 program akademik, daripada peringkat diploma hingga doktor falsafah melalui lima sekolahnya iaitu Sekolah Pengurusan (SOM); Sekolah Teknologi Maklumat & Komunikasi (SICT); Sekolah Pendidikan & Sains Kognitif (SECS); Sekolah Pengajian Sastera, Kemanusiaan dan Sains Sosial (SAHUSS) serta Pusat Pengajian Siswazah (SGS).

Selain daripada kampus induk di Kuala Lumpur, AeU menubuhkan rangkaian lokasi pembelajaran tempatan yang strategik di bandar utama serta kawasan pedalaman di seluruh tanahair, termasuk di kawasan luar bandar seperti pedalaman Sabah dan Sarawak.

Kaedah pengajian di AeU ditawarkan secara e-pembelajaran melalui mod sepenuh masa dan separuh masa, di mana golongan profesional boleh mengikutinya tanpa perlu berhenti kerja.

AeU mengamalkan kaedah pembelajaran teradun yang meliputi pembelajaran sendiri, pembelajaran langsung dalam talian dan pengajian bersemuka.

Pembelajaran program menggabungkan kaedah pembelajaran di kelas tutorial, kajian kes, tugasan bertulis, pembentangan dan perbincangan kelas atau forum atas talian. Ini termasuk kajian kes luar negara bagi meluaskan perspektif pelajar dalam memahami senario kes pengurusan perniagaan berkait, walaupun melampaui sempadan negara.

Seiring konsep e-pembelajarannya, portal khas yang diberi nama Personalised Learning Space (myPLS) membolehkan pelajar mengakses dan memuat turun material digital pembelajaran lebih awal pada bila-bila masa di mana saja mereka berada.

AeU menyediakan Knowledge Centre iaitu antara pusat sumber yang paling komprehensif di negara ini. Ia memiliki koleksi sumber pembelajaran dalam bentuk bercetak dan digital yang merangkumi lebih 7,000 judul buku serta mempunyai akses kepada lebih daripada 100,000 e-buku, 71,000 e-jurnal dan 1.6 juta tajuk e-tesis.